

SEMARAK

bukan dewaskan pemimpin - PM

KANGAR 10 April — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan gerakan SEMARAK adalah bertujuan untuk mewujudkan semangat kesetiaan kepada berbagai pihak termasuk raja - raja dan tidak untuk mendewa - dewakan mana - mana pemimpin. Perdana Menteri berkata, SEMARAK tidak mungkin merosakkan akidah orang - orang Melayu kerana mereka tahu agama, siapa Tuhan mereka dan siapa rasul mereka.

Beliau sebaliknya menyifatkan golongan yang mendakwa gerakan ini bertujuan untuk mewujudkan semangat mendewa - dewakan tokoh - tokoh tertentu sebagai "pengacau" yang tidak mahu menerima kenyataan.

Datuk Sri Dr. Mahathir membangkitkan perkara ini dalam ucapannya ketika merasmikan gerakan SEMARAK peringkat Negeri Perlis di Sungai Batu Pahat dekat sini petang ini.

Beliau menjelaskan gerakan SEMARAK ini diadakan kerana kerajaan berpendapat masanya telah tiba soal kesetiaan ditekankan.

"Setia bukanlah sahaja kepada satu pihak tetapi kepada semua pihak. Kesetiaan kepada raja, kesetiaan juga dikehendaki kepada pemimpin dan kita juga menekankan kesetiaan kepada rakyat.

"Apakah sebabkannya yang kita sebut kesetiaan kepada rakyat. Sebabnya adalah menjadi tanggungjawab pemimpin setia kepada rakyat. Kalau pemimpin tidak setia kepada rakyat maka pemimpin akan menjualkan rakyat dan menjualkan negara.

"Apa yang kita hendak sementara kita taat setia kepada raja dan pemimpin, kita juga hendak pemimpin setia kepada rakyat kerana kita menjadi pemimpin kerana

rakyat," tegasnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir tidak menolak bahawa sejak mencapai kemerdekaan kerajaan - kerajaan memerintah telah menjalankan berbagai usaha untuk kepentingan rakyat.

Katanya, langkah kerajaan sekarang melalui gerakan SEMARAK ini bertujuan untuk mengukuhkan lagi semangat kesetiaan kerana tanpa kesetiaan semua pihak yang berkenaan negara tidak dapat ditadbir dengan aman dan sentosa.

Perdana Menteri juga memberitahu beliau sendiri telah mengambil beberapa langkah untuk mengikis apa yang boleh menimbulkan unsur mendewa - dewakan tokoh - tokoh sejak memegang jawatan itu.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, antaranya beliau sendiri telah mengarahkan supaya sekolah - sekolah tidak lagi menggunakan nama para pemimpin yang masih hidup. "Tanyalah mana ada nama sekolah Dr. Mahathir,"

ujarnya.

Malah Perdana Menteri memberitahu beliau telah menolak cadangan Ketua Menteri Pulau Pinang Dr. Lim Chong-Eu untuk menggunakan namanya pada Jambatan Pulau Pinang.

Gelaran bapak

Selain dari itu beliau juga telah mengarahkan Jabatan Penerangan tidak lagi memasang papan - papan yang memaparkan gambar - gambarnya yang besar di tempat - tempat terbuka.

Katanya, beliau juga telah mengarahkan pemberian gelaran "bapak" dalam bidang - bidang tertentu seperti yang pernah dibuat di masa lalu kepada tokoh - tokoh yang berjaya dihentikan.

"Saya juga berharap janganlah lagi melaung - laungkan hidup Mahathir, hidup Mahathir," katanya disambut oleh tepuk gemuruh 15,000 hadirin.

Perdana Menteri telah mempersoalkan kenapa sekarang baru pihak - pihak tertentu menimbulkan soal mendewa - dewakan tokoh - tokoh sedangkan hal ini pernah berlaku dahulu lagi.

"Kenapa masa itu tak cakap. Ini waktu kita tidak buat, kita dituduh," ujarnya.

Beliau juga membidas perbuatan pihak - pihak tertentu yang memberikan berbagai maklumat kepada majalah - majalah luar negeri yang boleh menjejaskan imej negara. Katanya, pihak - pihak ini memberitahu majalah - majalah khususnya terbitan Hong Kong hal - hal yang memberi gambaran negara ini tidak stabil dan tidak ada kerajaan yang berkuasa.

Beliau menyifatkan ini sebagai salah satu contoh orang yang tidak sayangkan negaranya.

Katanya, golongan ini tidak rugi sebaliknya perbuatan mereka boleh menjejaskan kemasukan pelaburan asing yang mana mengakibatkan ramai orang tidak dapat kerja.

Sebelum itu, Datuk Sri Dr. Mahathir dan Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali disambut dengan dua kesenian tradisi Perlis - hadrah dan seni silat - sebaik sahaja mereka tiba untuk pelancaran gerakan 'Setia Bersama Rakyat, (SEMARAK).

Kira - kira 15,000 orang daripada pelbagai kaum turut menyambut ketibaan Perdana Menteri yang memandu kereta 'Protqn Saga' dengan nombor plat "MB Ps" (Menteri Besar Perlis) pada kira - kira pukul 3.10 petang. Menteri Besar, Dr. Abdul Hamid Pawanteh duduk di sebelah Datuk Sri Dr. Mahathir.

Dr. Abdul Hamid, anggota - anggota Exco kerajaan negeri serta beberapa orang timbalan menteri menyambut ketibaan Perdana Menteri dan rombongan, yang menaiki helikopter, di padang Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs) pada kira - kira pukul 2.45 petang.